

BAB 4

PERANAN WANITA DALAM RUMAHTANGGA

4.0 Pendahuluan

Menceburi bidang pekerjaan yang berdasarkan upah bermakna seorang wanita yang berkahwin mempunyai dua beban yang perlu dipikul iaitu keluarga dan kerjaya [Tan Poo Chang, 1992:51]. Ini bermakna kebanyakan wanita bekerja dalam dua "syif", iaitu "syif" yang pertama di pejabat dan diikuti dengan "syif" yang kedua di rumah [Wilson, 1981:55]. Fenomena ini menyebabkan wanita sering pulang awal dari pejabat. Namun, ini tidak bermakna tanggungjawabnya selesai apabila pulang, tetapi sebenarnya berlanjutan dengan tanggungjawab di rumah untuk memastikan kesejahteraan keluarga [Glazer, 1980:256].

Walaupun wanita kerjaya mempunyai dua tanggungjawab yang besar namun ini tidak bermakna mereka gagal untuk melaksanakan tugas mereka. Menurut Bernard [1974], bukanlah sesuatu yang mustahil untuk wanita menggabungkan antara keluarga dan kerjaya. (Setiap pasangan suami dan isteri yang terlibat mestilah sanggup bertolak ansur antara satu sama lain). (Perancangan yang teliti dan

pembahagian tugas dalam rumahtangga antara suami dan isteri adalah penting dalam menentukan kesejahteraan keluarga berterusan.) Tegas Bernard [1974] lagi, dalam setiap keluarga yang terlibat perlu ada prinsip ("share-parenting") Ini bermakna kedua-dua suami dan isteri perlu memainkan peranan dalam hal-hal pengurusan rumahtangga dan bukannya hanya terletak di bahu isteri sahaja.

4.1 Pengurusan Rumahtangga

Seorang isteri yang mempunyai kerjaya boleh memastikan tanggungjawab rumahtangga dan kerjaya terus seimbang dengan mendapat bantuan suami, anak-anak dan pembantu rumah, misalnya membeli makanan yang siap dimasak dari luar atau cuba membuat kerja rumah dalam masa yang terhad [Wilson, 1981:54]. Ini disokong oleh Fogarty, Rapoport and Rapoport [1971] yang berpendapat beban kerja rumah yang berlebihan boleh diatasi dengan bantuan suami, dengan menghantar anak-anak ke pusat penjagaan, mengambil perkhidmatan luar untuk melakukan kerja-kerja rumahtangga dan melengkapkan rumah dengan peralatan elektrik bagi melancarkan kerja-kerja rumahtangga. Hasil dari bantuan ini seorang wanita yang mempunyai kerjaya lebih mudah untuk menyesuaikan antara kerjaya dan rumahtangga. Secara tidak langsung keadaan ini dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh wanita. Perubahan

nilai dan sikap suami dan isteri juga adalah penting dalam membawa keseimbangan rumah tangga dan kerjaya.

Dewasa ini telah berlaku perubahan dalam pembahagian kerja-kerja domestik. Kini kerja-kerja rumah tangga telah mengalami perubahan dalam bentuk perkongsian kerja dan kurangnya berlaku segregasi kerja mengikut jantina. Menurut Bott [1971], terdapat sesetengah keluarga yang mempunyai fleksibiliti dalam pembahagian kerja rumah dan penjagaan anak-anak yang boleh dikongsi dan ditukar peranan. Manakala terdapat keluarga yang mempunyai pembahagian kerja rumah yang ketat yang terbahagi kepada tugas suami dan isteri [Bott, 1971:547].

4.1.1 Pembahagian Tanggungjawab Rumahtangga

a. Bantuan Suami

Wanita yang berpendidikan tinggi berkemungkinan mempunyai suami yang berpendidikan tinggi dan lelaki berpendidikan tinggi mempunyai idea yang lebih liberal tentang peranan seorang wanita [Aline K.Wong, 1976:24]. Ini bermakna suami yang berpendidikan tinggi lebih bersedia untuk berkongsi atau mengagihkan peranan domestik dalam rumah tangga. Ini jelas jika dilihat dari tingkat pendidikan suami yang mempengaruhi tahap

perkongsian dalam membuat kerja-kerja rumah tangga.

Jadual 4.1

Kaitan Tingkat Pendidikan Suami Dalam
Membantu Melakukan Kerja Rumah Responden

Tingkat Pelajaran	Tidak Pernah	Kadang-Kadang	Selalu	Jumlah
STPM	—	—	1	1
Diploma	—	3	1	4
Ijazah	2	37	25	64
Tidak dinyatakan	—	—	—	1

Jadual 4.1 didapati hampir semua suami responden mempunyai kelayakan akademik yang tinggi kecuali seorang sahaja suami responden yang mempunyai kelayakan hanya setakat STPM. Terdapat seramai 64 orang suami responden yang mencapai pendidikan hingga ke peringkat universiti, empat orang ke peringkat diploma dan seorang hanya mencapai tahap Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Jadual 4.1 juga membuktikan kenyatan Aline K. Wong [1976] benar. Hanya dua orang dari suami responden tidak pernah menolong membuat kerja-kerja rumah kerana mereka berpendapat pembantu rumah yang digaji adalah bertanggungjawab untuk melakukannya. Manakala 68 orang

suami responden yang lain memang didapati menolong isteri mereka membuat kerja-kerja domestik. Menurut responden, pertolongan suami tidak begitu diperlukan dengan kehadiran seorang pembantu rumah.

Seorang suami juga lebih mudah berkompromi untuk melaksanakan tugas domestik disebabkan perkongsian dalam menyumbangkan pendapatan antara suami dan isteri [Vanek, 1980:276-279]. Oleh yang demikian seorang suami tidak seharusnya bersikap mengasingkan antara tanggungjawab rumahtangga dan kerjaya, tetapi sebaliknya mestilah cuba menggabungkan kedua-dua tanggungjawab ini [Fogarty, Rapoport dan Rapoport, 1971:238]. Jika seorang isteri sanggup mengambil tanggungjawab sebagai seorang pekerja demi kepentingan ekonomi keluarga, maka seorang suami juga seharusnya turut sama-sama membantu melakukan kerja rumah untuk mengekalkan kesejahteraan keluarga. Seorang suami hendaklah menganggap tanggungjawab domestik merupakan tanggungjawab bersama. Pandangan ini dipersetujui oleh kebanyakan daripada responden, yang berpendapat dalam membuat kerja-kerja rumah, suami dan isteri sama-sama bertanggungjawab

Jadual 4.2

Pandangan Responden Tentang Siapa Yang Harus Melakukan Kerja-Kerja Rumah

Pandangan	Bilangan	Peratus
Isteri	1	1.4
Suami dan Isteri	38	54.3
Orang Gaji	8	11.4
Lain-lain	23	32.9
Jumlah	70	100.0

Seramai 38 orang (54.3%) responden berpendapat dalam pengurusan rumah tangga kedua-dua suami dan isteri seharusnya terlibat sama, manakala lapan orang (11.4%) berpendapat kerja rumah sepatutunya dilakukan oleh orang gaji yang digaji khas untuk tujuan pengurusan rumah tangga. Didapati seramai 23 orang (32.9%) responden berpendapat yang kerja-kerja rumah tangga seharusnya diambil alih oleh pihak-pihak yang telah dibiayai seperti pembantu rumah atau saudara mara yang digaji untuk melakukannya (Lihat Jadual 4.2). Dalam keluarga-keluarga yang dikaji, didapati suami turut sama mengambil bahagian dalam pengurusan rumah tangga.

Jadual 4.3
Kekerapan Suami Membantu Kerja Rumah

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Tidak pernah	2	2.9
Kadang-kadang	40	57.1
Selalu	27	38.6
Tidak menjawab	1	1.4
Soalan		
Jumlah	70	100.0

Terdapat 67 orang (95.7) suami responden turut serta dalam pengurusan rumah tangga manakala hanya dua orang (2.9%) suami responden tidak pernah menolong dalam melakukan kerja-kerja rumah (Lihat Jadual 4.3). Bagi pendapat mereka, orang gaji atau saudara mara yang digaji bertanggungjawab melakukannya. Bantuan luar ini dianggap dapat memastikan tumpuan yang sepenuhnya dapat diberikan kepada anak-anak.

Jadual 4.4

**Pandangan Responden Tentang Sebab-Sebab
Suami Membantu Kerja Rumah**

Pandangan	Bilangan	Peratus
Terpaksa	6	8.6
Tanggungjawab bersama	45	64.3
Gemar menolong	17	24.3
Lain-lain	2	2.8
Jumlah	70	100.0

Sebahagian besar suami responden iaitu seramai 45 orang (64.3%) dalam Jadual 4.4 berpendapat bahawa dalam membuat kerja-kerja rumah merupakan kewajipan bersama. Menurut mereka, bukanlah satu kejanggalan untuk menolong isteri membuat kerja rumah kerana isteri sama-sama bertanggungjawab menyumbangkan pendapatan keluarga. Ini menguatkan lagi pendapat Aline K. Wong di atas [1976:24]. Hanya enam orang (8.6%) responden yang berpendapat suami menolong kerana terpaksa. Menurut responden, walaupun suami menolong melakukan kerja-kerja rumah, namun kerapkali suami merungut apabila menolong, dengan alasan kerja rumah merupakan kerja isteri dan bukan suami.

Menurut Luxton [1986a] seorang isteri jika mahukan pertolongan suami hendaklah terlebih dahulu menghadapi risiko suami enggan menolong. Selain itu, seorang isteri juga sepatutnya memberi latihan dan sokongan kepada suami kerana ia kurang pengetahuan dan pengalaman dalam membuat kerja domestik [Luxton, 1986a:26]. Sokongan yang padu dan latihan yang betul akan memudahkan suami untuk menyesuaikan diri berkongsi peranan di rumah. Seorang isteri perlulah bersikap sabar dan dapat menerima pertolongan suami tanpa mengukurnya dengan apa yang diharapkan. Namun terdapat juga di kalangan responden yang tidak suka suami menolong mereka. Alasan yang diberikan ialah hasil kerja yang dilakukan oleh suami adalah tidak memuaskan sehingga menyebabkan responden terpaksa melakukan kerja tersebut sekali lagi. Misalnya apabila suami membantu melipat kain, kadang-kadang cara suami melipat kain tidak memuaskan hati responden hingga terpaksa menyebabkan responden melakukannya sekali lagi. Responden juga lebih suka melakukan kerja-kerja rumah tanpa bantuan suami kerana tidak mahu menegangkan hubungannya dengan suami. Sering terjadi pertengkaran apabila isteri meminta suami menolong melakukan kerja-kerja rumah dan suami memberikan pelbagai alasan untuk tidak melakukannya. Maka menurut responden daripada berlaku pertengkaran lebih baik mereka melakukan kerja rumah sendiri. Tambah responden lagi, pertengkaran sering timbul

apabila suami enggan menolong atau suami merungut apabila diminta pertolongan dan ini menaikkan kemarahan responden lalu timbulah pertengkaran.

Walaupun ramai suami yang menolong melakukan kerja rumah dan responden mengharapkan suami membantu, namun terdapat juga responden yang berasa bersalah akan keadaan ini. Responden beranggapan kerja-kerja rumahtangga memang merupakan tanggungjawab mereka dan seorang suami tidak seharusnya turut membantu kerana ini menunjukan kelemahan mereka sebagai seorang pengurus rumahtangga yang baik.

Jadual 4.5

**Perasaan Responden Apabila Suami
Membantu Kerja Rumah**

Perasaan	Bilangan	Peratus
Bersalah	8	11.4
Tidak	62	88.6
Jumlah	70	100.0

Perasaan bersalah apabila suami menolong berlaku terutama apabila seorang wanita itu melihat kerja-kerja rumahtangga sebagai satu kepuasan yang dibentuk melalui proses sosialisasi yang diterimanya. Melalui proses sosialisasi yang diterima, responden mendapat gambaran yang peranan seorang isteri ialah untuk menguruskan hal-hal rumahtangga tanpa memerlukan bantuan suami. Pembentukan peranan tradisional ini menghalang dari berlakunya penukaran peranan jantina antara suami isteri [Ferree, 1980:96-97]. Mereka mungkin merasa bersalah jika peranan tradisi yang sepatutnya dilakukan oleh mereka dikongsi bersama dengan suami. Dari kajian didapati lapan orang (11.4%) responden yang ternyata merasa bersalah kerana suami membantu melakukan kerja rumah (Lihat Jadual 4.5).

Kes 1

Menurut Zana, menguruskan rumahtangga memang merupakan tugas seorang isteri. Bagi diri Zana peranan ini telah ditetapkan oleh masyarakat dan agama. Lagipun menurut Zana ibunya dahulu memang melakukan kerja rumah sendirian tanpa bantuan ayahnya. Jika suami menolong sekalipun, beliau berasa seolah-olah gagal sebagai seorang isteri yang baik. Mungkin pendapat tentang pembahagian peranan ini dibentuk oleh model ibunya yang mampu menguruskan rumahtangga tanpa bantuan ayahnya. Bagi Zana, model terbaik seorang isteri ialah seperti yang ditunjukkan oleh ibunya.

Namun jika diteliti kebanyakan ibu responden, iaitu seramai 40 orang merupakan suri rumah atau petani biasa. Bilangan responden yang merasa bersalah apabila suami membantu pula ialah seramai lapan orang dan selebihnya 62 orang responden tidak merasa bersalah apabila suami membantu (Lihat Jadual 4.5). Oleh itu kenyataan Ferree [1980] yang berpendapat pembentukan peranan tradisi menghalang dari berlaku penukaran peranan jantina antara suami isteri mungkin kurang tepat. Terbukti 62 orang daripada responden yang mempunyai latar belakang tradisi tidak menggambarkan yang mereka terpengaruh dengan peranan seorang isteri yang ideal mestilah menguruskan hal-hal rumahtangga tanpa sebarang bantuan dari pihak suami. Responden menyedari tekanan dalam menjalankan tugas harian akan lebih dirasai tanpa bantuan suami, dan mereka perlu menerima bantuan suami dengan hati yang terbuka. Ini disuarakan oleh seramai 62 orang (88.6%) responden merasakan suami memang patut menolong membuat kerja rumah. Bagi responden, seorang suami juga patut memberi sumbangan terhadap kerja-kerja rumahtangga. Menurut responden, sebuah rumahtangga dibangunkan atas dasar kerjasama dan sikap saling membantu ini sebenarnya lebih merapatkan dan memantapkan hubungan suami isteri.

Walaupun suami menolong untuk memikul tanggungjawab di rumah, tetapi terdapat pembahagian dalam

pemilihan kerja-kerja rumah yang dilakukan oleh suami. Ini ditegaskan oleh Biber [1984], jenis-jenis kerja rumah yang dijalankan oleh seorang lelaki bukanlah kerja yang perlu kerap dilakukan dan ia pula tidak perlu dibuat pada kadar yang segera. Ini berbeza dengan tugas seorang isteri, iaitu jenis kerja yang dilakukan berbentuk rutin dan perlu dibuat pada kadar yang segera [Biber, 1984:181]. Antara kerja yang dilakukan oleh seorang suami ialah memotong rumput, membasuh kereta dan kerja-kerja lain yang memerlukan tenaga fizikal. Manakala seorang isteri lazimnya terlibat dengan kerja-kerja seperti membasuh, memasak dan menggosok pakaian. Hakikat ini juga disokong oleh Christiano dan Fong [1980:73-80]. Oakley [1974] menambah yang seorang suami lebih gemar melibatkan diri dengan kerja-kerja yang menyeronokkan, seperti bermain dengan anak-anak serta bantuan yang diberikan pula tidak bersifat konsisten, iaitu bukanlah merupakan kerja-kerja rutin harian.

Kajian menunjukkan jumlah suami yang terlibat dalam urusan rumahtangga seperti memasak, membasuh dan menggosok pakaian adalah amat kecil, berbanding dengan suami terlibat dengan kerja-kerja seperti bermain dengan anak, membersih kawasan rumah, membasuh kereta, membeli keperluan dan membayar bil adalah tinggi (rujuk Jadual 4.6)

Jadual 4.6

Kerja-kerja Yang Dilakukan Oleh Suami Di Rumah

Jenis kerja	Ya	Tidak	Bil	Ya	Tidak	%
Suami memasak	6	64	70	8.6	91.4	100
Suami membasuh pakaian	25	45	70	35.7	64.3	100
Suami membasuh pinggan	27	43	70	38.6	61.4	100
Suami mengemas	25	45	70	35.7	64.3	100
Suami menggosok pakaian	20	50	70	28.6	71.4	100
Suami bermain dengan anak	59	11	70	84.3	15.7	100
Suami membersih kawasan rumah	56	14	70	80.0	20.0	100
Suami membasuh kereta	61	9	70	87.1	12.9	100
Suami membeli barang keperluan	41	29	70	58.6	41.4	100
Suami membayar bil	50	20	70	71.4	28.6	100

Jadual 4.6, jelas menunjukkan walaupun suami terlibat sama dalam kerja-kerja rumahtangga, namun terdapat agihan dalam jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan. Suami lebih menumpukan terhadap kerja-kerja yang memerlukan tenaga fizikal, seperti membersih kawasan rumah dan membasuh kereta. Didapati 59 orang (84.3%) suami responden bertanggungjawab menjaga atau bermain dengan anak-anak, memandangkan isteri terpaksa menumpukan kepada kerja-kerja rumahtangga seperti memasak seramai 65 orang (92.9%), membasuh pakaian seramai 52 orang (74.3%) dan mengemas rumah seramai 57 orang (81.4%). Selain daripada suami bertanggungjawab menjaga anak-anak, sebahagian besar daripada suami responden lebih tertumpu kepada kerja-kerja di luar rumah dan juga urusan pembayaran bil. Seramai 56 orang (80%) suami responden bertanggungjawab membersih kawasan di luar rumah, 61 orang (87.1%) membasuh kereta, 41 orang (58.6%) orang membeli barang keperluan rumah dan 50 orang (71.4%) membayar bil. Suami responden lebih cenderung untuk melakukan aktiviti-aktiviti di luar rumah berbanding dengan kerja-kerja di dalam rumah seperti memasak dan membasuh kerana suami merasakan mereka lebih selesa dan mahir untuk melakukan kerja-kerja ini. Menurut responden agihan yang sebegini timbul mungkin kerana pihak suami tidak mempunyai kemahiran dalam memasak, membasuh dan mengemas. Maka suami lebih selesa melakukan kerja-kerja yang banyak menggunakan tenaga fizikal yang sering

dikaitkan dengan pekerjaan lelaki seperti membersih kawasan rumah dan membasuh kereta. Responden juga lebih suka menyerahkan aktiviti-aktiviti kerja di luar rumah kepada suami kerana responden sendiri tidak suka untuk melakukannya kerana kerja-kerja ini walaupun tidak berbentuk rutin tetapi memerlukan tenaga fizikal yang banyak. Suami responden juga bertanggungjawab dalam urusan pembayaran bil dan membeli barang keperluan rumah. Menurut responden, sumai mereka berbuat demikian mungkin kerana suami merasakan itu memang tanggungjawab mereka sebagai suami untuk menjelaskan hal-hal kewangan dalam rumahtangga. Manakala bagi responden-responden yang tidak menggaji pembantu rumah yang tidak tinggal bersama, terpaksa melakukan semua tugas domestik utama seperti memasak iaitu seramai 65 orang (92.9%), 52 orang (74.3%) membasuh pakaian, 60 orang (85.7%) membasuh pinggan, 57 orang (81.4%) mengemas rumah dan 56 orang (80%) menggosok pakaian. Burgess, Locke dan Thomas [1971] menegaskan pembahagian tugas dalam rumahtangga lebih berasaskan kepada siapa yang berkemampuan melakukannya, iaitu sama ada tugas tersebut berat atau tidak. Pola yang sebegini menurut Scanzoni [1978] masih lagi memperlihatkan agihan tugas secara tradisional. Seorang isteri menurutnya masih lagi mendominasi tugas-tugas seperti membasuh, memasak dan mengemas sementara suami terlibat dengan tugas-tugas yang bersifat luaran dan berat seperti membasuh kereta dan

membersih kawasan rumah.

Walaupun penglibatan suami dalam kerja-kerja rumah tangga masih lagi bersifat tradisional, namun bantuan dari suami dapat mengurangkan tekanan dan beban yang dihadapi oleh seorang isteri. Ini jelas apabila kebanyakan daripada responden berpuashati dengan pertolongan yang diberikan oleh suami. Bagi responden walaupun pertolongan suami adalah minimum namun sedikit sebanyak masih lagi dapat mengurangkan beban kerja isteri di rumah.

Hasil kajian menunjukkan hanya lima orang (7.1%) responden yang merasakan pembahagian tugas antara suami dan isteri tidak adil. Responden kadang-kadang menghadapi masalah tentang pembahagian kerja rumah dengan suami. Mereka berpendapat yang seorang suami sepatutnya lebih banyak menolong melakukan kerja-kerja rumah yang berbentuk rutin seperti memasak, mengemas rumah, membasuh dan menggosok pakaian kerana responden sering kesuntukan masa untuk melakukannya. Suami tidak sepatutnya hanya menumpukan kepada kerja-kerja yang menyeronokkan seperti menjaga anak dan membuat kerja-kerja yang tidak berbentuk rutin seperti membersih kawasan luar rumah dan membasuh kereta. Bagi responden sudah tiba masanya suami turut turun ke dapur untuk membantu meringankan beban isteri dan bukan hanya melakukan kerja-kerja berbentuk fizikal yang

sering dikaitkan dengan pekerjaan lelaki. Gambaran pekerjaan lelaki dan wanita dalam urusan rumahtangga menurut responden tidak sesuai dalam zaman yang serba mencabar ini. Responden juga menambah, pembahagian tugas antara lelaki dan wanita dalam urusan rumahtangga tidak seharusnya wujud jika mahu keseimbangan dalam rumahtangga terus terjamin. Bagi mereka adalah tidak adil jika seorang isteri yang lebih banyak melakukan kerja-kerja rumah walaupun pada hakikatnya kedua-dua suami dan isteri sama-sama penat apabila pulang dari kerja.

Manakala 25 orang (35.7%) responden merasakan pembahagian tugas antara suami dan isteri itu adil dan 40 orang (57.1%) responden tidak kisah dengan pembahagian tugas yang dilakukan. Bagi mereka yang penting suami sudi menolong melakukan kerja-kerja rumah.

Ternyata responden sebagai isteri mengharapkan penglibatan suami dalam kerja rumah agar mereka dapat mengurangkan tekanan. Namun penglibatan sepenuhnya tidak diharapkan kerana mereka sedar yang pengurusan rumahtangga sebenarnya merupakan tanggungjawab dan dominasi wanita. Mereka berpendapat walaupun penglibatan suami dalam kerja rumah adalah minimum namun memadai kerana ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban yang dipikul oleh isteri yang bekerja.

b. Pembantu Rumah

Selain bantuan suami untuk meringankan beban seorang isteri di rumah, bantuan luar seperti pembantu rumah juga amat diperlukan. Bantuan luar ini amat penting untuk membantu responden menguruskan kerja-kerja rumahtangga agar tekanan suami isteri yang bekerja dapat dikurangkan [Hall and Hall, 1979:114]. Bantuan luar juga dapat mengurangkan tekanan yang ditimbulkan oleh suami yang enggan menolong isteri di rumah. Hakikat ini dipersetujui oleh 27 orang (38.6%) responden yang mengambil pembantu rumah untuk membantu mereka melakukan kerja rumah. Selebihnya menggunakan perkhidmatan jiran dan nurseri, terutama untuk menjaga anak-anak semasa ketiadaan mereka. Dalam menolong menguruskan rumahtangga terdapat pelbagai pihak yang terlibat.

Jadual 4.7

Bantuan Menguruskan Rumahtangga Responden

Jenis bantuan	Bilangan	Peratus
Pembantu rumah	32	45.6
Saudara mara	6	8.6
Ibu atau ibu mertua	9	12.9
Lain-lain	21	30.0
Tidak menjawab	22	2.9
Jumlah	70	100

Jadual 4.7 menunjukkan, seramai 32 orang (45.6%) responden menggunakan perkhidmatan pembantu rumah (tinggal bersama) untuk menguruskan hal-hal rumahtangga. Manakala 15 orang (21.5%) responden dibantu oleh saudara, ibu atau ibu mertua. Selebihnya seramai 21 orang (30.0%) responden menggunakan perkhidmatan pembantu rumah yang bekerja dari pagi ke petang (tidak tinggal bersama). Bagi responden-responden ini, mereka menggunakan perkhidmatan pembantu rumah (tinggal bersama), saudara, ibu atau ibu mertua dan pembantu rumah yang bekerja dari pagi ke petang (tidak tinggal bersama) adalah bagi tujuan penjagaan anak-anak dan juga pengurusan rumahtangga seperti memasak, membasuh pakaian, mengemas rumah dan menggosok pakaian.

Jadual 4.8

Individu Yang Membantu Penjagaan Anak-Anak

Menjaga anak	Bilangan	Peratus
Pembantu rumah	31	44.3
Saudara mala	5	7.1
Ibu atau ibu mertua	9	12.9
Jiran	5	7.1
Nurseri	14	20.0
Lain-lain	2	2.9
Tidak menjawab soalan	4	5.7
Jumlah	70	100

Manakala Jadual 4.8 menunjukkan bagi tujuan penjagaan anak, majoriti responden iaitu seramai 31 (44.3%) orang menggunakan perkhidmatan pembantu rumah yang tinggal bersama, diikuti dengan anak-anak dihantar ke nurseri atau pusat penjagaan. Manakala lima orang (7.1%) responden menyatakan anak-anak mereka dijaga oleh saudara mara, sembilan orang (12.9%) oleh ibu atau ibu mertua dan dua orang (2.9%) menggunakan perkhidmatan pembantu rumah yang bekerja dari pagi ke petang (tidak tinggal bersama). Bantuan-bantuan luar ini diambil oleh responden hanya untuk tujuan penjagaan anak-anak semasa responden keluar bekerja. Bagi pembantu rumah yang tinggal bersama, tanggungjawab utama pembantu rumah ini hanya untuk tujuan penjagaan anak-anak responden sahaja. Tugas-tugas utama rumahtangga yang lain seperti memasak, membasuh pakaian, mengemas rumah dan menggosok pakaian dilakukan sendiri oleh responden.

Menurut responden, penjagaan anak-anak amat diutamakan. Oleh kerana adanya alternatif untuk menjaga anak-anak maka wanita mampu untuk bekerja dan mengembangkan kerjaya [Aline K. Wong, 1976:25]. Responden juga menyatakan jika tidak ada alternatif penjagaan

anak-anak, besar kemungkinan mereka terpaksa berhenti kerja. Ini berlaku kepada salah seorang daripada responden.

Kes 2

Mariam bekerja sebagai pengaturcara program komputer di salah sebuah bank di Kuala Lumpur. Menurutnya pernah satu ketika anaknya sering jatuh sakit dan kebetulan pada masa itu pembantu rumah berhenti kerja. Beliau cuba untuk mencari pembantu rumah yang baru namun gagal. Suami Mariam pula kurang bersetuju dengan idea anak dihantar ke pusat penjagaan atau nurseri. Mariam sendiri juga tidak sampai hati untuk mengejutkan anak awal pagi semata-mata untuk menghantarnya ke rumah orang. Akhirnya Mariam mengambil keputusan untuk berhenti kerja. Walaupun ini merupakan satu keputusan yang perit namun beliau terpaksa demi anak. Setelah hampir dua tahun, anaknya semakin sihat dan akhirnya beliau berjaya mendapat seorang pembantu rumah yang boleh dipercayai. Setelah itu beliau mula bekerja semula.

Menurut responden, bantuan luar yang digaji adalah diambil bagi memastikan yang tumpuan sepenuhnya dapat diberikan kepada anak-anak. Menurut responden lagi tumpuan yang sepenuhnya perlu diberikan kepada anak-anak

nak-anak, besar kemungkinan mereka terpaksa berhenti kerja. Ini berlaku kepada salah seorang daripada responden.

Kes 2

Mariam bekerja sebagai pengaturcara program komputer di salah sebuah bank di Kuala Lumpur. Menurutnya pernah satu ketika anaknya sering jatuh sakit dan kebetulan pada masa itu pembantu rumah berhenti kerja. Beliau cuba untuk mencari pembantu rumah yang baru namun gagal. Suami Mariam pula kurang bersetuju dengan idea anak dihantar ke pusat penjagaan atau nurseri. Mariam sendiri juga tidak sampai hati untuk mengejutkan anak awal pagi semata-mata untuk menghantarnya ke rumah orang. Akhirnya Mariam mengambil keputusan untuk berhenti kerja. Walaupun ini merupakan satu keputusan yang perit namun beliau terpaksa demi anak. Setelah hampir dua tahun, anaknya semakin sihat dan akhirnya beliau berjaya mendapat seorang pembantu rumah yang boleh dipercayai. Setelah itu beliau mula bekerja semula.

Menurut responden, bantuan luar yang digaji adalah diambil bagi memastikan yang tumpuan sepenuhnya dapat diberikan kepada anak-anak. Menurut responden lagi tumpuan yang sepenuhnya perlu diberikan kepada anak-anak

rana mereka hanya dapat meluangkan masa yang terhad tuk anak-anak.

Jadual 4.9

Masa Yang Dihabiskan Bersama Anak-Anak

Jumlah Jam	Suami		Isteri	
	Bil	%	Bil	%
1 ke 3 jam	44	62.8	35	50.0
4 ke 7 jam	16	22.9	28	40.0
8 ke 11 jam	4	5.7	4	5.7
Tidak menjawab soalan	6	8.6	3	4.3
Jumlah	70	100	70	100

Jadual 4.9 menunjukkan majoriti responden (seramai 44 atau 62.8% orang suami dan 35 atau 50% orang isteri) hanya dapat meluangkan masa kira-kira satu hingga tiga jam sehari bersama-sama anak-anak. Jumlah masa ini dikira dari waktu responden dan suaminya pulang dari pejabat (antara pukul enam dan lapan petang) hingga ke waktunya mereka tidur. Walaupun jumlah masa yang diluangkan dalam sehari dengan anak-anak agak terhad, namun mereka tidak menganggapnya sebagai satu masalah. Bagi responden jumlah masa yang singkat bersama anak boleh dimanfaatkan sepenuhnya. Masa yang singkat tidak semestinya memberikan kesan negatif terhadap hubungan mereka dengan anak-anak. Menurut responden lagi dalam masa yang terhad, seseorang

itu dapat menggunakan masa semaksimum yang mungkin. Bagi responden yang penting ialah kualiti masa yang dihabiskan bersama anak-anak dan bukan kuantiti masa. Dalam masa yang terhad ini responden akan memastikan yang segala keperluan emosi anak-anak dipenuhi. Responden lazimnya akan bertanyakan masalah anak-anak dan sama-sama membantu anak-anak melakukan kerja-kerja sekolah. Selain itu, cara responden merapatkan hubungan dengan anak-anak ialah dengan memastikan setiap malam mereka dapat makan bersama sebagai satu keluarga, menonton televisyen bersama terutama di hujung minggu atau bermain permainan seperti monopoli, shahiba dan "video games" bagi mengeratkan hubungan. Walaupun kadang-kadang waktu bersama anak-anak agak terhad, namun dengan merancang aktiviti-aktiviti yang bermanfaat bersama keluarga maka hubungan yang erat masih lagi dapat dipertahankan. Menurut responden lagi, perancangan masa dan aktiviti yang baik dapat membantu mengeratkan hubungan anggota-anggota keluarga.

Responden juga berusaha memastikan walaupun mereka sibuk dengan kerjaya, mereka tetap bertanyakan masalah anak-anak atau meluangkan masa untuk anak-anak meluahkan masalah mereka. Seramai 49 orang (70%) anak-anak responden ternyata sering berbincang masalah mereka dengan ibu bapa mereka. Manakala seramai 53 orang (75.8%) responden pula sering bertanyakan masalah

ak-anak. Ternyata walaupun tugas domestik utama serahkan kepada orang lain, namun peranan utama responden sebagai ibu tidak diabaikan.

Selain itu, responden juga memastikan yang reka akan melakukan aktiviti bersama anak-anak seperti luar membeli belah, berkelah atau bersiar-siar kurang-kurangnya empat kali sebulan. Seramai 26 orang (7.1%) responden membawa anak-anak keluar bersama luarga sekurang-kurang setiap hujung minggu. Manakala lebihnya melakukan apabila mempunyai kelapangan atau masa anak-anak cuti sekolah. Semasa anak-anak bercuti, responden dan suami memastikan mereka akan mengambil cuti tuk membawa anak-anak bersiar-siar.

Didapati seramai 27 orang (38.6%) responden mempunyai pembantu rumah yang digaji khusus untuk nguruskan rumahtangga (tinggal sekali). Golongan ini mendapat segala urusan rumahtangga seperti memasak, nggosok, membasuh pakaian dan mengemas rumah diserahkan pada pembantu rumah, bagi memastikan yang masa dan mpuan dapat diberikan kepada anak-anak, terutama bagi reka yang mempunyai anak-anak kecil. Responden yang nggaji pembantu rumah yang tinggal bersama menyerahkan gala urusan domestik rumahtangga kepada pembantu rumah. Pembantu rumah bertanggungjawab untuk memasak, menggosok

pakaian, membasuh pakaian dan mengemas rumah. Hanya pada hujung minggu atau hari-hari kelepasan, responden akan memasak untuk keluarga. Manakala urusan selain memasak seperti mengemas, menggosok pakaian dan membasuh pakaian tetap dilakukan oleh pembantu rumah. Tanggungjawab utama responden dalam rumahtangga hanyalah kepada anak-anak sahaja. Didapati seramai 32 orang (45.7%) responden mempunyai anak-anak di bawah umur persekolahan. Menurut Waite [1976], kehadiran anak kecil dalam keluarga boleh mempengaruhi beban kerja dan tekanan yang dihadapi oleh seorang wanita yang bekerja. Bayi di peringkat sebelum persekolahan, amat memerlukan penjagaan dan tumpuan sepenuhnya [Waite, 1976:65-80].

Seramai 43 orang (61.4%) responden tidak mempunyai pembantu rumah yang digaji khusus untuk menguruskan rumahtangga (yang tinggal sekali). Untuk mengatasi masalah beban kerja rumahtangga dan masalah penjagaan anak-anak, mereka mendapatkan bantuan cara lain, seperti saudara mara, ibu atau ibu mertua dan pembantu rumah yang bekerja dari pagi hingga ke petang. Lazimnya bantuan diambil khusus untuk menjaga anak-anak semasa responden keluar bekerja. Oleh yang demikian, bantuan itu adalah hanya untuk tujuan penjagaan anak-anak. Bagi responden yang tinggal berhampiran dengan rumah ibu atau ibu mertua, atau saudara mara, anak-anak diantar ke rumah

u, ibu mertua atau saudara mara dari pagi hingga ke tang.

Terdapat tiga orang responden yang tinggal bersama dengan ibu mertua dan dua orang responden tinggal bersama ibu sendiri. Ini secara tidak langsung dapat membantu responden dan suami mengatasi masalah beban mahtangga dan penjagaan anak-anak. Hubungan mereka dengan ibu bapa mereka yang rapat membantu pasangan mengurangkan tekanan dan beban kerja rumah tangga.

Kes 3

Nor sudah 10 tahun berumahtangga. Sepanjang perkahwinannya Nor tinggal bersama ibu mertuanya. Maka Nor tidak perlu menghantar anaknya ke nurseri atau mencari pembantu rumah. Nor tidak pernah terfikir untuk tinggal berasingan dengan ibu mertuanya. Beliau lebih suka hidup secara tradisi iaitu dalam keluarga besar. Menurutnya apabila sakit pening dan dalam kesusahan beliau rasa lebih selamat. Kebetulan ibu mertua Nor memahami kerjayanya dan menggalakkannya melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana.

Kes 4

Ibu Norizan tinggal di Kampung Baru. Norizan sendiri pula kebetulan tinggal di kawasan itu juga. Bagi Norizan soal penjagaan anak-anak, beliau tidak perlu risau. Anak-anak Norizan di hantar ke rumah ibunya. Kadang-kadang apabila balik dari pejabat, Norizan dan suami terus makan malam di rumah ibunya. Bagi Norizan urusan rumahtangga, beliau dan suami boleh menanganinya. Persoalan yang terpenting ialah anak-anak perlu dijaga oleh orang yang dipercayai dan bagi Norizan ibunya merupakan pilihan yang tepat.

Terdapat seorang responden yang tinggal bersama dengan ibu mertua, tetapi ia masih mengambil perkhidmatan seorang pembantu rumah. Menurutnya, ibu mertua hanya bertindak sebagai seorang penasihat kepada pembantu rumah, bagi memastikan pembantu rumah menjalankan tugasnya dengan baik dan agar tidak membebangkan ibu mertua. Tambahnya lagi, beliau kurang yakin jika anaknya ditinggalkan lagi, beliau lebih yakin yang anaknya berada dalam mertua, beliau lebih yakin yang anaknya berada dalam keadaan yang selamat.

Terdapat tiga orang responden yang mengambil perkhidmatan dua orang pembantu rumah. Menurut mereka, walaupun terpaksa membelanjakan hampir separuh daripada

ang gaji untuk keperluan ini, namun menggaji dua orang embantu rumah tidak dirasakan satu pembaziran. Tujuan mereka berbuat demikian ialah untuk memastikan yang urusan rumahtangga dan anak-anak terurus dengan baik.

Kes 5

Bagi memastikan yang anak-anak terjaga dengan baik dan rumahtangga terurus, Emy dan suami tidak teragak-agak untuk menggaji dua pembantu rumah. Walaupun mereka terpaksa berhati-hati dalam berbelanja kerana sebahagian besar gaji digunakan untuk tujuan ini, tetapi mereka puas. Dengan cara ini Emy dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap kerjaya kerana yakin yang makan minum anak-anak dan suami terjamin. Emy berpendapat yang penting apabila beliau pulang dari kerja beliau dapat memberikan sepenuh perhatian dan kasih sayang terhadap anak-anak dan suami. Urusan remeh temeh rumahtangga semuanya diserahkan kepada pembantu.

Untuk memastikan kelancaran peranan seorang wanita di rumah, boleh diatasi dengan mendapat bantuan jalaman dan luaran [Fogarty, Rapoport dan Rapoport, 1971:345]. Bantuan luaran meliputi pembantu rumah yang digaji sama ada yang digaji untuk sepanjang hari atau tinggal bersama, pusat penjagaan kanak-kanak atau nurseri,

jiran dan saudara mara yang diberikan gaji. Manakala bantuan dalaman merupakan bantuan dari suami, ibu atau ibu mertua yang tidak diberikan gaji. Kajian ini menunjukkan responden memang menggunakan kedua-dua sistem ini. Bagi responden yang menggunakan perkhidmatan pembantu rumah yang diberikan gaji, segala urusan rumahtangga diserahkan kepada pembantu rumah. Suami dan isteri tidak perlu rasa tertekan dengan pembahagian kerja rumah yang perlu dilakukan. Cara ini membenarkan pasangan yang bekerja mempunyai masa terancang dan berkualiti apabila mereka bersama anak-anak.

Menurut Bohem and Long [1981], penggunaan perkhidmatan bantuan luar telah mengubah nilai dan budaya tentang peranan kekeluargaan bagi lelaki dan wanita. Peranan asas seorang wanita telah diambil alih oleh bantuan luar yang diberikan gaji. Perubahan nilai dan pandangan seorang lelaki terhadap peranan seorang wanita penting untuk membenarkan perubahan ini berlaku.

Manakala bagi responden yang tidak menggunakan perkhidmatan pembantu rumah yang tinggal bersama, tetapi hanya menggunakan perkhidmatan pembantu rumah secara harian terutama bagi tujuan penjagaan anak, pergantungan sepenuhnya tertumpu kepada bantuan dalaman. Kerjasama dan bantuan dalaman ini amat diperlukan untuk kelancaran peranan seorang wanita di rumah.

Didapati seorang responden, yang tinggal bersama dengan ibu mertua tetapi menggunakan perkhidmatan membantu rumah yang digaji. Beliau menggunakan dua sistem iaitu bantuan dalaman yang merujuk kepada ibu mertua dan bantuan luaran yang merujuk kepada pembantu rumah yang digaji. Penggunaan dua cara ini juga tertumpu kepada responden yang tidak mempunyai pembantu rumah yang digaji iaitu seramai 43 orang (61.4%). Bagi kategori ini, perkhidmatan bantuan luaran merujuk kepada nurseri, pusat penjagaan kanak-kanak, saudara mara atau pembantu yang diberi gaji secara harian (tidak tinggal bersama). Perkhidmatan golongan ini digunakan, terutamanya semasa suami isteri keluar bekerja. Selepas waktu pejabat, mereka mendapat bantuan dalaman. Namun cara ini mewujudkan sedikit tekanan kepada suami dan isteri, terutama apabila suami enggan membantu dalam kegiatan rumahtangga. Cara terbaik ialah dengan mengambil bantuan luaran sepenuhnya untuk mengelakkan konflik pembahagian peranan antara suami dan isteri. Ketiadaan bantuan, sama ada bantuan yang dibentuk luaran atau dalaman diakui akan menjelaskan prestasi kerja, sebagai seorang isteri dan ibu yang berjaya.

Kemampuan responden untuk menggaji pembantu rumah sama ada yang tinggal sekali, tidak tinggal sekali atau menggunakan perkhidmatan nurseri, saudara mara atau pusat

penjagaan anak-anak untuk meringankan tanggungjawab rumah tangga mempunyai kaitan yang rapat dengan pendapatan responden dan suami. Majoriti suami responden iaitu seramai 21 orang (30%) menerima gaji sebanyak RM4000 ke atas sebulan manakala 18 orang (25.7%) responden memperolehi pendapatan sebanyak RM2000 hingga RM2499 sebulan. Dengan pendapatan responden dan suami yang berjumlah lebih kurang RM6000 sebulan maka mereka mampu untuk mendapatkan perkhidmatan bantuan luar bagi meringankan tanggungjawab di rumah. Maka tidak menghairankan apabila terdapat tiga orang responden yang mampu menggunakan perkhidmatan dua orang pembantu rumah.

c. Bantuan Peralatan

Penggunaan alat bantuan rumah tangga seperti peralatan elektrik juga dapat membantu melancarkan peranan seorang wanita di rumah. Ini ditegaskan oleh Noor Rahmah Haji Abu Bakar [1993] yang menjelaskan kemudahan seperti peti sejuk, makanan yang telah siap dibungkus dan dibekukan, mesin basuh, alat pengisar dan hampagas telah mengurangkan masa isteri untuk melakukan kerja rumah. Kemudahan teknologi dalam membuat kerja-kerja rumah telah mengurangkan masa dan bebanan dalam menguruskan rumah tangga. Kemudahan ini merupakan salah satu sebab ramai wanita mampu memasuki dan bertahan dalam pasaran

buruh [Berk, 1980:53]. Kemudahan sedemikian memberi peluang kepada wanita meluangkan masa untuk bersama suami dan anak-anak. Penggunaan kemudahan ini juga dapat mengurangkan beban kerja dan tenaga yang digunakan [Berk, 1980:61].

Kajian ini menunjukkan sebahagian besar responden bergantung kepada penggunaan alat bantuan untuk membantu kerja-kerja rumah (Jadual 4.10). Didapati seramai 68 orang (97.1%) responden menggunakan periuk nasi elektrik, 63 orang (90%) menggunakan cerek elektrik, 69 orang (98.6%) menggunakan pengisar makanan, 62 orang (88.6%) menggunakan penyedut hampagas, 69 orang (98.6%) menggunakan sterika, 51 orang (72.9%) menggunakan ketuhar mikro dan 65 orang (92.9%) responden menggunakan mesin membasuh kain. Penggunaan alat-alat bantuan ini juga menggalakkan ramai suami membantu kerja-kerja rumah. Penggunaan alat bantuan adalah mudah dan praktikal untuk dikendalikan. Misalnya, seramai 25 orang (35.7%) suami responden membantu isteri membasuh pakaian. Menurut responden kerelaan suami membantu membasuh pakaian adalah kerana terdapat kemudahan mesin membasuh kain.

Jadual 4.10

Penggunaan Alat Bantuan Oleh Responden

Alat bantuan	Bilangan	Peratus
Periuk nasi elektrik	68	97.1
Cerek elektrik	63	90.0
Pengisar makanan	69	98.6
Penyedut hampagas	62	88.6
Seterika	69	98.6
Ketuhar mikro	51	72.9
Mesin membasuh kain	65	92.9

Selain kecenderungan responden menggunakan alat bantuan (Jadual 4.10) responden juga cenderung untuk membeli makanan yang siap dibungkus atau makanan segera. Seramai 11 orang (15.7%) responden membeli cili boh yang telah dikisar, menggunakan santan segera untuk memasak, membeli makanan yang telah siap dibungkus dan dibekukan serta menggunakan perkhidmatan dobi. Ini tertumpu terutamanya kepada responden yang tidak menggaji pembantu rumah iaitu seramai 43 orang (61.4%). Responden juga didapati lebih cenderung untuk membeli makanan yang telah siap dimasak di luar atau sering makan di luar.

Kecenderungan responden membeli makanan dari luar adalah didorongkan oleh sikap positif yang diberikan oleh suami. Hanya seorang (1.4%) responden yang tidak pernah membeli makanan dari luar. Manakala 69 orang (98.6%) lidapati ada membeli makanan dari luar. Kajian juga menunjukkan seramai 58 orang (82.9%) suami responden tidak masih dengan pembelian makanan dari luar. Alasan yang diberikan ialah suami responden memahami kepenatan responden dan mereka sendiri tidak cerewet mengenai iakanan.

Responden juga bersetuju bahawa penggunaan alat bantuan menolong peranan mereka di rumah. Secara tidak langsung kemudahan itu membolehkan responden menumpukan perhatian kepada kebijakan anak-anak dan suami. Jadual .11 menunjukkan penggunaan alat bantuan rumah mampu mencinkan peranan responden di rumah. Dari Jadual 4.11 menjelaskan yang majoriti daripada responden menggunakan sekurang-kurangnya tujuh jenis alat bantuan elektrik rumah seperti periuk elektrik, cerek elektrik, pengisar makanan, menyedut hampagas, seterika, ketuhar mikro dan mesin embasuh kain. Responden-responden ini berpendapat, alat bantuan rumah ternyata dapat mempercepatkan kerja-kerja umah tangga di samping menjimatkan tenaga. Menurut responden, misalnya penggunaan mesin membasuh kain membolehkan responden melakukan kerja-kerja sampingan lain

seperti memasak atau mengemas semasa kain dimasukkan ke dalam mesin basuh. Selain itu, penggunaan ketuhar mikro juga menyebabkan kerja-kerja memasak lebih mudah dan cepat. Semua ini dapat menjimatkan masa dan tenaga terutama bagi responden yang penat setelah pulang dari bekerja

Jadual 4.11

Alat Bantuan Rumah Dapat Melancarkan Keberkesanan Peranan Responden Di Rumah

Alat Bantuan	Pertolongan melancarkan			
	ya		tidak	
	Bil	%	Bil	%
Periuk elektrik	65	97.0	2	3.0
Cerek elektrik	63	90.0	6	8.6
Pengisar makanan	68	97.1	1	1.4
Penyedut hampagas	62	88.6	7	10.0
Seterika	69	98.6	-	-
Ketuhar mikro	51	72.9	18	25.7
Mesin membasuh kain	65	92.9	4	5.7

Responden berpendapat bagi menjamin kelancaran peranan di rumah, pertolongan suami, orang luar dan alat bantuan dianggap penting. Menurut mereka bantuan

luar ternyata berkesan untuk mengurangkan beban kerja mahupun mengurangkan tekanan mental dan fizikal.

Jadual 4.12

**Persetujuan Bahawa Peralatan Membantu
Malancarkan Keberkesanan Responden**

Peralatan membantu	Bilangan	Peratus
Ya	67	95.7
Tidak	2	2.9
Tidak dinyatakan	1	1.4
Jumlah	70	100

Jadual 4.12 jelas menunjukkan responden bergantung kepada pertolongan luar bagi memastikan keberkesanan peranannya. Seramai 67 orang (95.7%) responden bersetuju yang penggunaan alat bantuan rumah ternyata membantu memudahkan kerja-kerja rumah dan hanya 2 orang (2.9%) responden yang beranggapan penggunaan alat bantuan rumah tidak membantu meringankan kerja-kerja rumah. Dapat disimpulkan bahawa bantuan luar sama ada tenaga yang digaji atau tidak dan alat bantuan rumah penting untuk memastikan urusan rumah tangga berjalan dengan lancar. Kap terbuka suami dalam menerima perubahan, perkongsian dan pembahagian peranan rumah tangga didapati penting bagi

membolehkan seorang isteri terus bekerja dan pada masa yang sama tetap dapat menjalankan peranannya di rumah dengan baik.

Selain penggunaan alat-alat bantuan rumah ini, responden juga banyak bergantung kepada penggunaan televisyen, alat perakam video dan alat permainan kanak-kanak bagi memudahkan kerja-kerja penjagaan anak-anak. Menurut responden terutama bagi responden yang tidak mempunyai pembantu rumah yang tinggal bersama, penggunaan alat-alat ini memudahkan responden dan suami melakukan kerja-kerja rumah. Anak-anak dibiarkan menonton cerita melalui televisyen atau cerita video kegemaran mereka bagi mengelakkan anak-anak mengganggu responden melakukan kerja-kerja rumah. Dengan penggunaan alat-alat ini, anak-anak akan leka menonton rancangan kegemaran mereka atau bermain dengan alat permainan kesukaan mereka dan tidak mengganggu responden melakukan kerja-kerja rumah.

Penggunaan semua alat bantuan rumah ini mampu digunakan oleh responden dan suami kerana kedudukan ekonomi mereka yang kukuh.

Jadual 4.13

Pendapatan Sebulan Responden dan Suami

Pendapatan sebulan (RM)	Pendapatan suami		Pendapatan responden	
	Bil	%	Bil	%
1000 ke 1499	2	2.9	2	2.9
1500 ke 1999	3	4.3	10	14.3
2000 ke 2499	9	12.9	18	25.7
2500 ke 2999	11	15.7	7	10.0
3000 ke 3499	15	21.4	14	20.0
3500 ke 3999	7	10.0	6	8.6
4000 ke atas	21	30.0	12	17.1

Jadual 4.13 menunjukkan seramai 21 orang (30%) suami responden dan 12 orang (17.1%) responden berpendapatan RM4000 ke atas sebulan diikuti dengan 15 orang (21.4%) suami responden yang berpendapatan antara RM3000 ke RM3499 dan 18 orang (25.7%) responden memperolehi pendapatan antara RM2000 ke RM2499 sebulan. Dengan purata pendapatan sebanyak lebih kurang RM4000 ke RM6000 sebulan memungkinkan responden dan suami mengekalkan jaya hidup mewah dengan penggunaan pelbagai alat bantuan rumah yang dapat membantu melancarkan peranan domestik responden di rumah.

4.2 Hubungan Responden Dengan Keluarga (Jalinan Sosial)

Beban kerja menyebabkan responden terpaksa menghadkan jalinan sosial, terutama ikatan kekeluargaan, dan beban kerja juga memaksa responden untuk memilih dengan siapa mereka mahu menghabiskan masa [Wiersma, 1994:213]. Ini menyebabkan rangkaian jalinan sosial antara responden dengan keluarga, saudara mara dan kawan-kawan menjadi longgar. Fenomena ini pula didorong oleh faktor tempat tinggal suami dan isteri yang berjauhan dari tempat mereka dilahirkan dan dibesarkan. Menurut Bott [1971], rangkaian hubungan sosial yang rapat hanya berkemungkinan untuk wujud bagi suami dan isteri yang mempunyai rakan, jiran dan saudara mara yang tinggal dan membesar dalam kawasan yang sama. Menurutnya lagi, setelah individu berpindah tempat tinggal dan membuat hubungan sosial baru yang tidak mempunyai kaitan dengan hubungan sosial yang lama, hubungan akan menjadi semakin longgar [Bott, 1971:94-95].

Fenomena kelonggaran hubungan sosial ini jelas berlaku kepada responden-responden yang dikaji. Sebahagian besar responden, iaitu seramai 62 orang (88.6%) berasal dari negeri-negeri di luar Selangor dan Wilayah Persekutuan. Ini mempengaruhi paras hubungan dengan keluarga, saudara mara dan kawan-kawan.

Jadual 4.14

Negeri Asal Responden

Negeri	Bilangan	Peratus
Johor	10	14.3
Kedah	8	11.4
Kelantan	4	5.7
Melaka	10	14.3
Negeri Sembilan	5	7.1
Perak	15	21.4
Perlis	2	2.9
Pulau Pinang	6	8.6
Pahang	2	2.9
Sarawak	-	-
Selangor	4	5.7
Trengganu	-	-
Wilayah Persekutuan	4	5.7
Jumlah	70	100

Jadual 4.15

Negeri Asal Suami

Negeri	Bilangan	Peratus
Johor	12	17.1
Kedah	4	5.7
Kelantan	4	5.7
Melaka	8	11.4
Negeri Sembilan	7	10.1
Perak	14	20.0
Perlis	-	-
Pulau Pinang	4	5.7
Pahang	2	2.9
Sarawak	1	1.4
Selangor	3	4.3
Trengganu	2	2.9
Wilayah Persekutuan	9	12.9
Jumlah	70	100

Jadual 4.14, menunjukkan hanya empat orang responden yang berasal dari Selangor dan empat orang berasal dari Wilayah Persekutuan. Manakala Jadual 4.15, hanya tiga orang suami responden berasal dari Selangor dan sembilan orang dari Wilayah Persekutuan. Jumlah selebihnya menunjukkan 62 orang (88.6%) responden dan 58 orang (82.9%) suami responden berasal luar dari negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Kesan dari pemilihan tempat kerja dan tempat tinggal yang terasing dari tempat asal mereka membawa kepada kelonggaran hubungan sosial mereka dengan keluarga asal dan saudara mara. Tekanan dan kesibukan kerja juga tidak menggalakkan responden pulang selalu ke kampung sendiri atau kampung suami. Keadaan lebih ketara bagi responden yang berkahwin dengan pasangan dari berlainan negeri.

Jadual 4.16

Kekerapan Responden Menziarahi

Ke Rumah Ibu Bapa Sendiri

Kekerapan Pulang	Bilangan	Peratus
Sekali sebulan	19	27.1
Dua kali & lebih dalam sebulan	14	20.0
Sekali & lebih dalam dua bulan	7	10.0
Sekali & lebih dalam tiga bulan	9	12.9
Lain-lain *	19	27.1
Tidak menjawab	2	2.9
Jumlah	70	100

* - mengunjungi pada cuti perayaan, jemputan kenduri, cuti sekolah dan hal-hal kecemasan

Jadual 4.17

Kekerapan Responden Menziarahi

Ke Rumah Mertua

Kekerapan Pulang	Bilangan	Peratus
Sekali sebulan	12	17.1
Dua kali @ lebih dalam sebulan	8	11.4
Sekali @ lebih dalam dua bulan	3	4.3
Sekali @ lebih dalam tiga bulan	6	8.6
Lain-lain *	36	51.4
Tidak menjawab	5	7.2
Jumlah	70	100

* - mengunjungi pada cuti perayaan, jemputan kenduri, cuti sekolah dan hal-hal kecemasan

Jadual 4.16 menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 19 orang (27.1%) hanya pulang menziarahi ke rumah ibu bapa sendiri dalam kadar sebulan sekali. Manakala seramai 12 orang (17.1%) responden hanya pulang ke rumah mertua dalam kadar sebulan sekali (Lihat Jadual 4.17). Alasan yang diberikan ialah mereka kesibukan dan bebanan kerja. Ini menyebabkan sebahagian besar antara mereka iaitu seramai 19 orang (27.1%) responden hanya pulang ke rumah ibu bapa sendiri dan seramai 36 orang (51.4%)

responden hanya pulang ke rumah mertua semasa cuti-cutি perayaan, semasa cuti sekolah, jemputan kenduri dan hal-hal kecemasan. Kepulangan responden ke kampung ibu bapa sendiri atau kampung mertua pada waktu cuti-cutি perayaan, cuti sekolah dan jemputan kenduri lebih diminati oleh responden kerana mereka dapat berehat lebih lama di kampung. Responden juga jarang pulang ke kampung ibu bapa sendiri atau kampung mertua kerana kesukaran mendapat cuti yang serentak dengan suami. Jarak kampung yang jauh juga menyebabkan tidak praktikal untuk pulang ke kampung pada hujung minggu kerana hanya akan memenatkan badan sahaja.

Alasan kesibukan yang dihadapi oleh responden dan suami dapat diterima oleh kedua-dua pihak keluarga. Mereka memahami komitmen dan kesuntukan masa yang dihadapi anak-anak mereka. Kedua-dua pihak keluarga juga tidak melihat kerjaya responden sebagai penyebab mereka jarang pulang ke kampung. Hanya terdapat satu kes dari keluarga mertua yang tidak dapat menerima responden sebagai wanita bekerja. Begitu juga hanya terdapat satu kes keluarga responden yang tidak bersetuju dengan kerjaya responden yang begitu menekan. Selebihnya sama ada dari keluarga responden atau keluarga mertua dapat menerima kesibukan responden. Malahan mereka memberi galakan dan semangat untuk memajukan kerjaya responden. Menurut mereka, kesibukan merupakan pengorbanan yang perlu dibayar untuk

mendapat kehidupan yang selesa. Perubahan nilai ini membolehkan responden lebih yakin dalam kerjaya mereka.

Selain kelonggaran hubungan responden dengan keluarga mertua dan keluarga sendiri, berlaku juga kelonggaran hubungan responden dengan saudara mara dan kawan-kawan. Kelonggaran hubungan responden dengan saudara mara dan kawan-kawan juga disebabkan oleh kesuntukan masa yang dihadapi oleh responden dan suami. Oleh kerana kekerapan responden pulang ke rumah keluarga sendiri dan rumah mertua rendah, maka setiap kesempatan untuk menghabiskan masa dengan keluarga sendiri atau keluarga mertua digunakan sebaiknya. Kesannya, responden tidak mempunyai masa yang cukup untuk menjalinkan hubungan dengan saudara mara. Setiap kesempatan atau masa yang terluang dihabiskan bersama keluarga.

Jadual 4.18

Kekerapan Mengunjungi Saudara Mara

Kekerapan Pulang	Bilangan	Peratus
Sekali sebulan	21	30.0
Dua kali @ lebih dalam sebulan	9	12.9
Sekali @ lebih dalam dua bulan	9	12.9
Sekali @ lebih dalam tiga bulan	10	14.3
Lain-lain *	18	25.7
Tidak menjawab	3	4.2
Jumlah	70	100

* - mengunjungi pada cuti perayaan, jemputan kenduri,
cuti sekolah dan hal-hal kecemasan

Jadual 4.19

Kekerapan Mengunjungi Kawan-Kawan

Kekerapan Pulang	Bilangan	Peratus
Sekali sebulan	8	11.4
Dua kali @ lebih dalam sebulan	4	5.7
Sekali @ lebih dalam tiga bulan	14	20.0
Lain-lain *	42	60.0
Tidak menjawab	2	2.9
Jumlah	70	100

* - mengunjungi pada cuti perayaan, jemputan kenduri, cuti sekolah dan hal-hal kecemasan

Jadual 4.18 menunjukkan hanya 21 orang (30%) responden yang mengunjungi rumah saudara mara dalam kadar sebulan sekali. Selebihnya didapati jarang untuk melakukannya. Kunjungan ini hanya dibuat apabila responden pulang ke kampung sendiri atau kampung mertua. Tambahan pula kepulangan ke kampung adalah bertujuan untuk menziarah ibu bapa dalam cuti yang singkat, maka peluang untuk mengunjungi saudara mara agak terhad. Keadaan ini secara tidak langsung telah melonggarkan hubungan di

kalangan anggota-anggota keluarga luas seperti yang diamalkan oleh masyarakat tradisi. Responden juga iaitu seramai 18 orang (25.7%) gemar mengunjungi saudara mara pada musim perayaan, cuti sekolah ataupun dengan jemputan kenduri dan perkahwinan.

Jadual 4.19 menunjukkan hanya sejumlah kecil responden iaitu seramai lapan orang (11.4) yang berkunjung ke rumah kawan-kawan dalam kadar sebulan sekali. Alasan yang diberikan ialah kawan-kawan tersebut merupakan rakan sepejabat dan juga jarak antara rumah responden dan kawan-kawan agak jauh. Kunjungan tidak diperlukan kerana perhubungan boleh dilakukan semasa di pejabat. Kebanyakan daripada responden iaitu seramai 42 orang (60%) mengunjungi kawan-kawan hanya pada waktu tertentu, seperti terdapatnya jemputan atau musim perayaan kunjungan dilakukan. Waktu yang terluang, responden lebih gemar untuk menghabiskannya bersama keluarga. Maka kenyataan Wiersma [1994] benar apabila individu terpaksa memilih dengan siapa mereka akan menghabiskan masa akibat dari kesuntukan masa yang dihadapi.

Kelonggaran hubungan responden dengan keluarga luas dan kawan-kawan menyebabkan responden lebih rapat kepada keluarga asas. Rangkaian hubungan yang longgar ini berlaku apabila responden terpaksa membuat hubungan sosial

yang baru. Namun hubungan sosial yang baru ini tidak bersifat kesinambungan dalam konteks masa dan kepentingan [Bott, 1971:95]. Kesannya pasangan sebagai satu unit keluarga asas menjadi semakin kukuh. Mereka semakin berdikari dan bergantung di antara satu sama lain, terutamanya dalam hal-hal domestik dan emosi. Ini jelas dalam menyuarakan masalah, responden lebih suka meluahkannya kepada suami.

Kajian menunjukkan responden lebih bergantung kepada suami dalam memenuhi tuntutan emosi. Seramai 56 orang (80%) daripada responden berbincang masalah yang dihadapi mereka bersama suami. Ini berlaku apabila responden tinggal berjauhan daripada keluarga luas dan tempat asal yang membawa kepada kelonggaran jalinan hubungan sosial. Oleh yang demikian, responden terpaksa bergantung kepada suami untuk mendapat kepuasan emosi. Terdapat juga responden iaitu seramai 13 orang (18.6%) tidak berbincang masalah mereka dengan suami. Golongan ini lebih gemar berbincang masalah mereka dengan rakan-rakan sekerja, adik beradik atau ibu bapa. Alasan yang diberikan ialah suami bukan merupakan seorang pendengar dan penasihat yang baik. Malahan kadang-kadang suami tidak mahu berbincang masalah yang dihadapi oleh isteri terutama masalah yang berkaitan dengan kerja. Sumai berpendapat masalah kerja mestilah ditinggalkan di pejabat dan tidak

dibawa ke rumah.

Jalinan hubungan sosial yang longgar juga menyebabkan responden tidak terikat dengan tuntutan dan norma masyarakat [Bott, 1971:60]. Ini penting untuk menggalakkan penglibatan suami dalam kerja-kerja domestik. Hubungan yang longgar mendorongkan suami dapat bersama-sama memainkan peranan domestik tanpa mendapat tekanan daripada ibu bapa, saudara mara dan kawan-kawan. Kesannya paras kerjasama sama ada secara fizikal atau emosi semakin tinggi dalam keluarga asas. Ini seterusnya membawa kepada satu hubungan yang lebih erat dan saling bergantung antara pasangan.

4.3 Rumusan

Kesan wanita yang mempunyai kerjaya telah membawa kepada perubahan peranan wanita di rumah. Walaupun wanita masih lagi diharapkan menjalankan tugas tradisi mereka sebagai pengurus rumah tangga, namun telah berlaku sedikit perubahan. Tugas utama wanita di rumah telah diambil alih oleh bantuan luar yang digaji, dikongsi atau diagihkan bersama suami.

Tugas utama wanita di rumah kini bukan semata-mata untuk membuat kerja-kerja domestik tetapi juga tumpuan utama mereka ialah untuk memberi sepenuh perhatian terhadap anak-anak dan suami. Ini boleh dilakukan apabila fungsi domestik seorang wanita mendapat bantuan luar, seperti pembantu rumah yang digaji, pembelian makanan dari luar atau perkhidmatan dobi.

Kejayaan peranan seorang wanita di rumah bergantung kepada paras kerjasama yang diperolehi dari suami (terutama bagi individu yang tidak mempunyai pembantu rumah yang digaji) dan semua bantuan luar yang mampu diperolehinya. Namun, semua ini tidak mampu terlaksana tanpa berlakunya perubahan nilai dan sikap suami dan isteri tentang peranan mereka di rumah. Sikap yang terbuka kedua-dua belah pihak membenarkan perubahan dari segi peranan ini. Ini penting untuk meringankan beban wanita di rumah dan memastikan perhatian secara emosi dan moral dapat diberikan sepenuhnya kepada suami dan anak-anak.

Nilai sosial untuk mengukur kejayaan peranan wanita di rumah kini sudah berubah. Kegagalan seorang wanita untuk menjalankan kewajipan asas menguruskan rumah tangga kini sudah tidak dianggap sebagai satu kelemahan.

Kajian ini menunjukkan terdapat perkongsian peranan antara suami dengan isteri, dan selain itu peranan domestik wanita dibantu oleh bantuan luar. Harapan keluarga dari seorang isteri kini ialah perhatian dan sokongan emosi yang dapat diberikannya. Fenomena ini berlaku apabila terdapatnya perubahan dari segi nilai dan norma yang dipegang oleh suami dan isteri. Perubahan dari segi nilai ini pula dipengaruhi oleh faktor hubungan sosial anggota-anggota keluarga yang kian longgar.

Jalinan sosial dari keluarga luas dan kawan-kawan rapat tidak penting, apabila seseorang terpaksa tinggal jauh dari keluarga asal dan rakan-rakan sekampung. Maka suami dan isteri terpaksa bergantung sepenuhnya antara satu sama lain. Perkongsian peranan antara suami dengan isteri tidak mendapat tekanan dan tentangan dari keluarga luas dan teman-teman.

Perubahan peranan tradisi tidak mungkin berlaku jika responden masih lagi tinggal dalam lingkungan keluarga luas. Apabila jalinan sosial masih erat, seorang isteri tidak akan mengharapkan bantuan suami, sama ada secara fizikal ataupun emosi kerana ia boleh mendapat bantuan dari keluarga luas. Oleh yang demikian perkongsian peranan domestik tidak mungkin berlaku dan jika berlaku perkongsian peranan akan mendapat tekanan sosial dari

masyarakat.

Hasil kajian dapat dirumuskan bahawa memang berlaku perubahan peranan wanita yang mempunyai kerjaya dalam rumah tangga. Peranan utamanya kini diambil alih oleh bantuan luar, dikongsi bersama suami dan dibantu dengan alat-alat bantuan rumah tangga. Namun perubahan ini dapat diterima oleh suami dan tidak mendapat tentangan dari keluarga luas atau masyarakat setempat kerana jalinan sosial yang longgar. Perubahan peranan domestik juga membenarkan responden meluangkan lebih banyak masa kepada anak-anak dan suami. Dengan masa yang terbatas, mereka dapat memastikan sepenuh perhatian dapat ditumpukan kepada keluarga apabila peranan utamanya diambil alih oleh bantuan luar.